

BANK ISLAM LANCAR KEMPEN PEMBIAYAAN MEGA 2024

Lapan pemenang terpilih akan pandu pulang kereta baharu

KUALA LUMPUR, Khamis, [14 Mac 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) telah melancarkan Kempen Pembiayaan Mega 2024 sebagai menghargai para pelanggan yang telah menyokong produk pembiayaan Peribadi-i, Rumah-i dan Kenderaan-i Bank Islam. Kempen yang julung-julung kali dianjurkan ini berlangsung dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2024.

Kempen yang menawarkan lapan buah kenderaan dengan jumlah keseluruhan RM800,000 sebagai hadiah utama di sepanjang tempoh kempen dijalankan dan akan memilih dua pemenang bertuah melalui cabutan pada setiap akhir suku tahunan.

Di samping itu, Bank Islam juga menawarkan hadiah kepada pelanggan-pelanggan bertuah melalui kempen Pembiayaan Peribadi-i yang dianjurkan sepanjang tahun ini iaitu Kempen Promosi Sekali Seumur Hidup–Pembiayaan Peribadi-i Untuk Jemaah Haji, 41 Tahun Bank Islam, Bank Islam bersama Warga Pendidik dan *Frontliners* serta Umrah dengan hadiah keseluruhan berjumlah RM1.2 juta.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram berkata, “Kempen ini akan merancakkan lagi usaha kami untuk mempromosi pelbagai produk pembiayaan yang disediakan di pasaran, selain menarik minat pelanggan berpotensi terhadap penyelesaian-penyelesaian patuh Syariah yang memenuhi segenap keperluan mereka.

“Penganjuran Kempen Pembiayaan Mega ini juga merupakan tanda penghargaan kami kepada pelanggan atas kepercayaan mereka terhadap Bank Islam. Kami amat prihatin dengan kehendak serta keperluan mereka dan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan penawaran.”

Bersempena penganjuran Kempen Pembiayaan Mega 2024, satu majlis pelancaran dan Penyampaian Hadiah Kempen Pembiayaan Peribadi-i bagi tahun 2023 telah diadakan pada 29 Februari 2024 di Kuala Lumpur.

Seramai 21 pemenang untuk lima (5) Kempen Pembiayaan Peribadi-i yang dijalankan sepanjang tahun 2023 telah menerima hadiah masing-masing.

Kempen	Senarai Pemenang	Hadiah
<i>Once in A Lifetime</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mohd Shazwan Hashim 2. Noor Asmada Abdullah 3. Juliana Jamal 4. Nor Azizah Ab Aziz 5. Abdul Majid Tahir Mohamed 6. Abang Abdul Ghapar Abang Husen 7. Khairul Anuar Abu Bakar 8. Zakiah Jajuli 9. Noor Fadhilah Zainal Abidin 10. Mohd Shapiza Ishak 	Baucar Pakej Umrah bernilai RM10,000 setiap seorang
<i>Here for You</i> (Khusus untuk sektor Kesihatan)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr Ahmad Zaki Hamdi Nor Azlan 2. Nurul Nabiela Huda Azhar 3. Nuradilah Razali 	<p>Hadiah Utama: Wang tunai RM30,000 dan Baucar Barangan Kemas bernilai RM10,000</p> <p>Hadiah Pertama: Wang tunai RM20,000 dan Baucar Barangan Kemas Bernilai RM5,000</p> <p>Hadiah Kedua: Wang Tunai RM10,000 dan Baucar Barangan Kemas Bernilai RM5,000</p>
<i>Win Big</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nafisah Ismail 2. Muhammad Faiz Aziz 3. Mohd Khalid Yusof 	<p>Hadiah Utama: Wang Tunai RM50,000 dan Baucar Pelancongan Bernilai RM20,000</p> <p>Hadiah Pertama: Wang Tunai RM30,000 dan Baucar Pelancongan Bernilai RM10,000</p> <p>Hadiah Kedua: Wang Tunai RM10,000 dan Baucar Pelancongan Bernilai RM10,000</p>
40 Tahun Bank Islam bersama Warga Pendidik	<p>Kategori Individu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Elin Eliana Muhamad Rasidi 	Hadiah Utama: Wang Tunai RM50,000 (Kategori Individu)

	<ul style="list-style-type: none"> • Farah Wahida Ahmad Nadzri <p>Kategori Sekolah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • SKD Bandar Tasik Kesuma • SMK Bukit Rahman Putra 	Hadiah Utama: Wang Tunai RM15,000 (Kategori Sekolah)
Jom Raya	<ul style="list-style-type: none"> • Chandrakala A/P Palanisamy 	Hadiah Utama: Wang Tunai RM50,000.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Pembiayaan Mega 2024 Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.